


## PROSEDUR PENGURUSAN MEREKRUT PENCARI KERJA UNTUK BEKERJA DI LUAR NEGARA



Mula – APS menerima Tawaran Kerja (*Jobs Order*) dari agensi pekerjaan di luar negara/majikan di luar negara.

1. APS melaporkan (*Jobs Order*) yang diterima yang telah mendapat pengesahan daripada agensi pekerjaan di luar negara/majikan di luar negara:


1a. Jika *Jobs Order* telah mendapat pengesahan bertulis mengenai kesahihannya melalui APS/majikan/kedutaan\* (tertakluk kepada polisi negara penerima) proses diteruskan ke no. 3.

\* bagi mengelakkan sebarang penipuan oleh pihak-pihak tertentu.


\* memastikan tiada pelanggaran undang-undang/polisi negara penerima.


1b. Jika *Jobs Order* tidak sah - Proses tidak diteruskan dan TAMAT.

2. APS mengiklankan kekosongan jawatan (berdasarkan kepada seksyen 18 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246]).



3. APS menyemak kelayakan dan dapatkan dokumen sokongan pencari kerja semasa temuduga.
4. APS mendapatkan surat tawaran kerja dan kontrak perkhidmatan pekerja daripada majikan dan mengambil tindakan berikut:
  - i) Memaklumkan kepada pencari kerja mengenai terma dan syarat perkhidmatan dalam kontrak perkhidmatan.
5. APS mengarahkan pencari kerja memohon Sijil Kelakuan Baik (melalui portal [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my)) – **sekiranya terdapat permintaan daripada majikan luar negara**
  - 5a. Jika keputusan POSITIF - proses diteruskan ke no. 6.
  - 5b. Jika Keputusan NEGATIF – pencari kerja boleh mengemukakan rayuan kepada KLN. Proses terus ke langkah A.
6. APS membantu pencari kerja menjalani ujian saringan pemeriksaan kesihatan mengikut prosedur negara penerima.
  - 6a. Jika LULUS –
    - i) APS hendaklah memastikan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara penerima telah sepenuhnya dipatuhi;






11. APS menguruskan pelepasan pencari kerja yang berjaya di lapangan terbang atau *point* pelepasan yang lain.

12. APS menyemak ketibaan pencari kerja melalui agensi pekerjaan atau majikan di luar negara bagi memastikan pencari kerja telah sampai ke destinasi mereka.

13. APS perlu memastikan majikan menyediakan segala kemudahan yang dinyatakan dalam kontrak perkhidmatan seperti penginapan, pengangkutan, insurans pekerjaan (yang melindungi kos hospitalisasi, penghantaran pulang jenazah dan hilang upaya kekal) dan lain-lain terma yang dinyatakan di dalam kontrak perkhidmatan (tertakluk kepada undang-undang negara penerima)

14. APS mengemukakan pelaporan pendaftaran, penempatan, kekosongan jawatan, akuan penerimaan oleh majikan kepada JTKSM mengikut borang dan prosedur yang ditetapkan.

Tamat.



A – Pencari kerja mengemukakan rayuan kepada Kementerian Luar Negeri.

- A1. Jika keputusan POSITIF - proses diteruskan ke no. 6 – no. 14.
- A2. Jika Keputusan NEGATIF – Proses tidak diteruskan dan TAMAT.

Catatan:

1. APS perlu memastikan perkara-perkara berikut:
  - i. Majikan bertanggungjawab menanggung sepenuhnya kos penghantaran pulang pekerja tempatan yang bekerja di luar negara ke Malaysia kecuali dalam keadaan berikut:
    - a) Ditamatkan perkhidmatan atas isu salah laku;
    - b) Melarikan diri – meninggalkan pekerjaan tanpa kebenaran majikan; atau
    - c) Meletak jawatan.

**(\*tertakluk kepada undang-undang negara penerima)**

Dalam keadaan i (a),(b) dan (c), APS hendaklah memastikan majikan memaklumkan maklumat pekerja berkaitan kepada Kedutaan Besar Malaysia di negara penerima dan APS yang bertanggungjawab.